Chuah Say Phang lwn Tuan Majistret Mahkamah Majistret Gerik, Perak Darul Ridzuan dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–21 TAHUN 1999
ZULKEFLI H
28 JANUARI 2000

Acara Jenayah *— Habeus corpus — Penahanan penagih dadah — Permohonan habeas corpus — Sama ada pemohon telah diberi peluang membuat representasi — Sama ada majistret patut menterjemahkan maksud 'representasi' atau ungkapan 'membuat representasi' atau tujuan dan efek membuat representasi supaya pemohon mengetahui haknya dan kesan prosiding — Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 s 6(1)*

Pemohon telah memohon untuk suatu permohonan untuk suatu writ habeas corpus ad subjiciendum di mana pemohon telah diarahkan oleh majistret supaya ditahan di bawah s 3 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 untuk menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Serenti, Perlop, Sungai Siput (U), Perak di bawah peruntukan s 6(1)(a). Pemohon mendakwa telah tidak diberi haknya untuk membuat representasi mengikut undang-undang. Peguam pemohon menghujahkan bahawa apa yang telah dicatat oleh majistret dalam nota prosiding tersebut adalah tidak memadai untuk memutuskan bahawa suatu peluang membuat representasi telah diberi kepada pemohon dan bahawa hak pemohon untuk membuat representasi hendaklah bermula sebelum prosiding di hadapan majistret dijalankan.

Diputuskan, menolak permohonan pemohon:

(1) Bukanlah kewajipan seorang majistret yang membicarakan prosiding di bawah peruntukan s 6 Akta tersebut untuk menjelaskan tentang maksud perkataan 'representasi' atau ungkapan 'membuat representasi' atau tujuan dan efek membuat representasi supaya dengan penjelasan tersebut seorang subjek itu tahu akan haknya dan kesan prosiding tersebut terhadapnya. Kedudukan undang-undang adalah seseorang itu dianggap mengetahui undang-undang dan ketiadaan pengetahuan tentang undang-undang yang berkenaan bukanlah merupakan satu alasan. Seterusnya, Akta tersebut hanya menghendaki seseorang subjek itu diberi peluang untuk membuat representasi dan tidak lebih daripada itu (lihat ms 683D–F).

(2) Asas untuk membawa seorang subjek itu ke mahkamah bagi prosiding di bawah s 6 Akta tersebut dijalankan adalah mesti ada terlebih dahulu pengesahan oleh seorang pegawai perubatan bahawa subjek itu adalah seorang penagih dadah atau 'drug dependant'. Selepas itu, majistret akan menerima subjek tersebut dan menerima syor daripada pegawai pemulihan. Sebelum majistret membuat keputusan untuk mengeluarkan salah satu daripada tiga perintah dalam prosiding di bawah s 6 Akta

tersebut, barulah seorang subjek itu diberi peluang untuk membuat representasi. Oleh yang demikian, mahkamah tidak dapat menerima hujah peguam pemohon bahawa hak representasi di bawah s 6 Akta tersebut bermula sebelum prosiding di bawah s 6 Akta tersebut dijalankan (lihat ms 684D–F).

(3) Berdasarkan fakta-fakta dalam kes ini dan setelah mengkaji rekod nota prosiding, mahkamah mendapati bahawa pemohon telahpun diberi suatu hak untuk membuat representasi mengikut kehendak peruntukan s 6(1) Akta tersebut. Fakta bahawa pemohon telah dibawa ke hadapan majistret tersebut menunjukkan pula bahawa pemohon telah menjalani suatu pemeriksaan di bawah s 3 dan s 4 Akta tersebut di mana pemohon telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan yang berdaftar sebagai seorang penagih dadah (drug dependant). Adalah juga jelas mengikut rekod nota prosiding tersebut suatu laporan pegawai pemulihan kemudian telah diserah, dibaca dan diterang kepada pemohon dan diakui benar oleh pemohon (lihat ms 685B–D).

(4) Pemohon telah membuat suatu representasi dan dengan jelas memahami atau mengetahui akan kemungkinan akibat daripada prosiding yang dijalankan oleh majistret tersebut kebebasannya akan dinafikan. Yang pentingnya adalah di atas rekod nota prosiding tersebut, terdapat bukti bahawa pemohon sebenarnya telah diberi peluang membuat suatu representasi seperti yang telah dipilih olehnya untuk berbuat sedemikian (lihat ms 685E–G).

[**English summary**

The applicant had applied to make an application for a writ of habeus corpus ad subjiciendum in connection with the magistrate's order that he be detained under s 3 of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 as to enable him to receive treatment and rehabilitation for a period of two years at Serenti Rehabilitation Centre, Perlop, Sungai Siput (U), Perak as provided for under s 6(1)(a) of the Act. The applicant alleged that he was deprived of his right to make representation according to law. His counsel argued that what were written by the magistrate in the notes of the proceedings were insufficient for the purpose of concluding that the applicant was given an opportunity to make representation and that the applicant's right to make representation ought to exist before the commencement of the said proceedings before the magistrate.

Held, dismissing the applicant's application:

(1) It is not obligatory on the part of a magistrate conducting proceedings under s 6 of the Act to elaborate on the meaning of the word 'representation' or the phrase 'to make representation' or the purpose and effect of making of representation as to enable

a subject, by means of that elaboration, to know his rights and the effect of the proceedings on him. In law a person is presumed to know the law and ignorance of the law provides no defence. Consequently, the Act only requires a subject to be given opportunity to make representation and no more than that (see p 683D–F).

(2) The basis of producing a subject in court for the purpose of a s 6 proceeding under the Act is a certification by a medical officer that the subject is a drug addict or a drug dependant. Once this is so, the magistrate will receive the subject and admits the proposals of the rehabilitation officer. It is before the magistrate decides to issue any of the three orders under the said s 6 of the Act that a subject is to be given the opportunity to make representation. Consequently, the court could not accept the submission of the counsel that the right to make representation exists before the commencement of the proceedings for the purpose of the said s 6 of the Act (see p 684D–F).

(3) Based on the facts of the case and after examining the notes of the proceedings, the court found that the applicant was given the right to make representation as provided for under s 6(1) of the Act. The fact that the applicant was brought before the magistrate showed that the applicant was examined pursuant to ss 3 and 4 of the Act whereby he was certified by the government medical officer or a registered medical practitioner as being a drug dependant. It is clear, based on the notes of the proceedings, that a report of the rehabilitation officer had been submitted, read and explained to the applicant and the same was certified to be true by the applicant (see p 685B–D).

(4) The applicant had made a representation and he clearly understood or knew the possible consequence of the proceedings before the magistrate that his liberty would be denied. What is significant is that the record of the proceedings notes proves that the applicant was in fact given the opportunity to make representation and he had chosen to do so (see p 685E–G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penahanan penagih dadah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 1513–1516.

Kes-kes yang dirujuk

Roshidi bin Mohamed, Re [1988] 2 MLJ 193 (refd)

Perundangan yang dirujuk

Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ss 3, 4, 6(1)(a), 6(4), 6(5)

Perlembagaan Persekutuan perkara 5(3)

A *Naran Singh* (*Naran Singh Co*) bagi pihak pemohon.

Kamaludin bin Md Said (Peguam Persekutuan, Pejabat Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden-responden.

Zulkefli H: Ini adalah suatu permohonan oleh pemohon untuk suatu writ B habeas corpus ad subjiciendum. Pemohon telah diarahkan oleh majistret, Gerik supaya ditahan untuk menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Serenti, Perlop, Sungai Siput (U), Perak di bawah peruntukan s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('Akta tersebut'). Encik Naran Singh, peguam pemohon C menyatakan bahawa beliau akan mengemukakan satu isu atau alasan sahaja berhubung dengan permohonan pemohon ini iaitu, pemohon telah tidak diberi haknya untuk membuat representasi mengikut undang-undang. Dalam kes ini pemohon telah ditahan di bawah s 3 Akta tersebut dan pada 5 Julai 1999 pemohon telah dibawa ke hadapan majistret di mana suatu perintah telah dibuat di bawah s 6(1)(a) Akta tersebut.

D Peguam pemohon berhujah bahawa jika dirujuk kepada rekod nota prosiding yang dicatat oleh majistret seperti di eksh 'KYK-1' dalam afidavit pemohon nyata bahawa semasa pemohon dibawa di hadapan majistret tersebut pemohon telah tidak diberi peluang membuat representasi seperti yang diperuntukkan di bawah s 6(1) Akta tersebut. Juga telah dihujahkan E bagi pihak pemohon bahawa apa yang telah dicatat oleh majistret dalam nota prosiding tersebut adalah tidak mencukupi dan memadai untuk diputuskan bahawa suatu peluang membuat representasi telah diberi kepada pemohon. Peguam pemohon juga telah merujuk kepada perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan di mana perkara 5(3) ini memperuntukkan bahawa seseorang itu mempunyai hak untuk merujuk kepada dan dibela F oleh seorang peguam pilihannya. Oleh kerana perkara atau isu berhubung dengan hak untuk mendapat khidmat peguam untuk membuat representasi tidak dikemukakan sebagai satu isu atau alasan, maka persoalan yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam permohonan ini adalah sama ada pemohon telah diberi peluang untuk membuat representasi.

G Peguam pemohon seterusnya berhujah bahawa hak pemohon untuk membuat representasi ini hendaklah bermula sebelum prosiding di hadapan majistret tersebut dijalankan. Peguam pemohon juga telah merujuk kepada kes *Re Roshidi bin Mohamed* [1988] 2 MLJ 193 berhubung dengan maksud 'an opportunity to make representations' di bawah s 6(1) Akta tersebut H dimana dalam kes tersebut Mohamed Arif H telah memperkatakan mengenainya dan tentang tugas seorang majistret antara lain di ms 196 seperti berikut:

> Had she fully appreciated it and understood the significance and purpose of making representations as provided in s 6(1) of the Drugs Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 she would, could and should have I explained its purpose, in the same way one would have attached importance on the requirement to explain to an accused the charge against him, and the consequences of the three alternatives when the defence is called in any criminal trial ...

Seksyen 6 Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut: A

6 Magistrate's order which may be made on a drug dependant

(1) Where a person who has undergone the tests referred to in s 3 or 4, and, in consequence of such tests, is certified by a government medical officer or a registered medical practitioner to be a drug dependant, the officer shall produce him, or cause him to appear, B before a magistrate and if the magistrate, after giving such person an opportunity to make representations —

(a) is satisfied that such person requires to undergo treatment and rehabilitations at a rehabilitation centre, order such person to reside at such centre for a period of two years to undergo treatment and rehabilitation and thereafter to undergo after- C care in accordance with the provisions of this Act relating thereto; or

(b) is satisfied that such person's treatment and rehabilitation may be carried out otherwise than at a rehabilitation centre, he may order such person to be placed under the supervision of a rehabilitation officer for a period of not less than two and not D more than three years, and to execute a bond with or without sureties, as the Magistrate may determine, to remain under such supervision for such period.

Provided that where such person fails to execute such bond an order under para (a) shall be made against him by the magistrate.

(2) An order of supervision under para (b) of sub-s (1) shall contain the E condition requiring such person to abstain from dangerous drugs and may contain conditions as to residence, employment, associations, abstention from intoxicating liquor, or attendance at a Day Centre.

(3) The Magistrate shall, before making an order either under para (a) or (b) of sub-s (1), consider a report by a rehabilitation officer on F such person, a copy of which shall be supplied to such person, and which shall be read out and explained to him.

(4) In making an order under sub-s (1), the Magistrate shall have regard to the circumstances of the case, and the character, antecedents, age, health, education, employment, family and other circumstances of the person against whom the order is proposed to be made. G

(5) A certificate under sub-s (1) purporting to be signed by a government medical officer or a registered medical practitioner shall be receivable by a magistrate without proof of the signature thereon, and the magistrate shall accept it as proof of its contents, unless the contrary is proved.

H

Saya mendapati Akta tersebut tidak banyak membantu kerana ianya tidak menterjemahkan maksud 'representasi' ataupun menghuraikan setakat mana seorang majistret perlu bertindak untuk menyampaikan kepada seorang pemohon peluangnya untuk membuat representasi. Adalah pandangan saya secara amnya 'representasi' adalah suatu terma yang mempunyai makna yang luas dan ianya termasuk pernyataan yang dibuat I untuk mengemukakan sesuatu perkara untuk pertimbangan sama ada melalui dakwaan, pembelaan, rayuan, perakuan ataupun untuk

A mempertikaikan apa-apa dakwaan atau hasil laporan yang dibuat oleh sesuatu pihak yang lain. Oleh demikian, saya seterusnya berpendapat maksud 'membuat representasi' seperti yang dinyatakan dalam s 6(1) Akta tersebut boleh membawa makna selain daripada hak untuk menafikan, menolak dan mempertikaikan sesuatu perkara, ianya juga membawa makna hak membuat rayuan atau memohon perakuan.

B

Adalah pandangan saya bahawa seorang majistret tidak boleh dianggap telah tidak memberi seorang subjek peluang untuk membuat suatu representasi sekiranya rekod nota prosiding yang dicatat oleh majistret tersebut menunjukkan subjek tersebut telah sebenarnya membuat representasi dalam bentuk seperti yang telah dinyatakan di atas. Majistret
C tersebut juga tidak boleh dikatakan telah tersilap sekiranya subjek membuat pilihan untuk tidak membuat representasi dan dalam hal ini adalah lebih baik dan digalakkan supaya majistret mencatatkan dalam rekod nota prosidingnya ungkapan seperti 'tiada apa-apa bantahan atau rayuan daripada subjek'. Walau bagaimanapun, saya masih berpendapat jika majistret gagal mencatat ungkapan seperti yang dinyatakan di atas ianya
D tidak bermakna majistret tersebut telah tersilap dari segi undang-undang kerana perlanggaran peruntukan s 6 Akta tersebut hanya akan terjadi jika rekod nota prosiding menunjukkan bahawa subjek tersebut telah tidak diberi peluang untuk didengar.

Saya juga berpendapat adalah tidak menjadi kewajipan kepada seorang
E majistret yang membicarakan prosiding di bawah peruntukan s 6 Akta tersebut untuk memperjelaskan tentang maksud perkataan 'representasi' atau ungkapan 'membuat representasi' atau tujuan dan efek membuat representasi supaya dengan penjelasan tersebut seorang subjek itu tahu akan haknya dan kesan prosiding tersebut terhadapnya. Kedudukan undang-undang adalah seseorang itu dianggap mengetahui undang-undang
F dan ketiadaan pengetahuan tentang undang-undang yang berkenaan bukanlah merupakan satu alasan. Saya seterusnya mendapati Akta tersebut hanya menghendaki seseorang subjek itu diberi peluang untuk membuat representasi dan tidak lebih daripada itu. Dalam hal ini saya ingin memetik tentang apa yang telah dinyatakan oleh Abdul Wahab H di mana saya
G bersetuju dengan pandangannya dalam suatu penghakiman yang tidak dilaporkan iaitu Kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam Permohonan Jenayah No 44–36–99 seperti di ms 8 berikut:

> To explain the meaning of the word 'representations' and the significance and purpose of making representations, so that with the explanations, the subject would know his rights and the consequences of the proceedings is, to my
H mind, to extend the duty of the Magistrate to realm of giving legal advice, well beyond giving an opportunity to make representations ... .

Dalam hal perkara memberi peluang untuk membuat representasi seperti yang diperuntukkan di bawah s 6(1) Akta tersebut saya dengan ini tidak dapat bersetuju dengan pandangan Mohamed Arif H dalam kes *Re Roshidi*
I *bin Mohamed* bahawa terdapat keperluan bagi majistret dalam mengendalikan prosiding di bawah s 6 Akta tersebut untuk menjelaskan kepada seorang subjek tentang haknya untuk membuat representasi sama

seperti kaedah bagaimana seorang tertuduh dalam suatu perbicaraan kes jenayah dijalankan iaitu seorang tertuduh itu dijelaskan kepadanya pertuduhan yang dikenakan ke atasnya dan kesan efek bagi tertuduh untuk membuat tiga pilihan apabila ia dipanggil membela diri. Saya berpendapat prosiding yang dijalankan oleh seorang majistret di bawah s 6 Akta tersebut jika dibandingkan dengan suatu prosiding perbicaraan kes jenayah adalah berbeza sama sekali. Ini adalah kerana dalam prosiding di bawah s 6 Akta tersebut terdapat perbezaan dalam bentuk representasi yang boleh dikemukakan oleh seorang subjek dan bentuk perintah yang boleh dikeluarkan oleh majistret. Saya mendapati dalam prosiding di bawah s 6 Akta tersebut seorang majistret boleh membuat salah satu daripada tiga perintah berikut:

(1) membuat perintah seorang subjek itu ditempatkan di pusat pemulihan untuk tempoh dua tahun bagi menjalani rawatan dan pemulihan dan selepas itu rawatan selanjutnya;

(2) membuat perintah seorang subjek itu diletak di bawah pengawasan seorang pegawai pemulihan untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun dengan suatu ikatan bon;

(3) enggan membuat apa-apa perintah.

Saya berpendapat asas untuk membawa seorang subjek itu ke mahkamah bagi prosiding di bawah s 6 Akta tersebut dijalankan adalah mesti ada terlebih dahulu pengesahan oleh seorang pegawai perubatan bahawa subjek itu adalah seorang penagih dadah atau 'drug dependant'. Selepas itu majistret akan menerima subjek tersebut dan menerima syor daripada pegawai pemulihan. Sebelum majistret membuat keputusan untuk mengeluarkan salah satu daripada tiga perintah tersebut di atas baharulah seorang subjek itu diberi peluang untuk membuat representasi. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menerima hujah peguam pemohon bahawa hak representasi di bawah s 6 Akta tersebut bermula sebelum prosiding di bawah s 6 Akta tersebut dijalankan.

Saya juga berpendapat sekiranya sijil yang dikatakan dikeluar oleh seorang pegawai perubatan kerajaan ataupun seorang pengamal perubatan yang berdaftar adalah teratur, maka mengikut s 6(5) Akta tersebut majistret dikehendaki menerima sijil tersebut sebagai bukti isi kandungannya melainkan dibuktikan sebaliknya. Dalam hal ini kebiasaannya seorang majistret akan mengambil tindakan mengeluarkan salah satu daripada perintah pertama dan perintah kedua yang dinyatakan sebelum ini.

Adalah pandangan saya peluang yang pertama bagi seorang subjek boleh membuat representasi adalah ke atas sijil yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun asalkan sijil yang dikeluarkan oleh seorang pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan yang berdaftar telah memperakukan bahawa seorang subjek itu adalah seorang penagih dadah, maka adalah sukar untuk mempertikaikannya. Peluang yang lagi satu yang membolehkan seorang subjek untuk membuat representasi adalah ke atas perkara-perkara yang dinyatakan dalam s 6(4) Akta tersebut iaitu hal keadaan kes, perwatakan,

latar belakang, umur, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, keluarga dan lain-lain hal keadaan berhubung dengan seseorang subjek itu. Saya berpendapat oleh kerana perkara-perkara yang dinyatakan di bawah s 6(4) Akta tersebut adalah atas perkara-perkara yang seorang subjek secara amnya akan mengemukakan sebagai representasi dalam bentuk rayuan maka adalah tidak perlu untuk dijelaskan kepada subjek tersebut akan maksud representasi dan kesan efek membuat representasi tersebut.

Berbalik kepada fakta-fakta dalam kes pemohon sekarang ini setelah mengkaji rekod nota prosiding di eksh 'KYK-1', yang dicatat oleh majistret tersebut saya mendapati bahawa pemohon telahpun diberi suatu hak untuk membuat representasi mengikut kehendak peruntukan s 6(1) Akta tersebut. Fakta bahawa pemohon telah dibawa ke hadapan majistret tersebut menunjukkan pula bahawa pemohon telah menjalani suatu pemeriksaan di bawah s 3 dan s 4 Akta tersebut di mana pemohon telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan yang berdaftar sebagai seorang penagih dadah. Adalah juga jelas mengikut rekod nota prosiding tersebut suatu laporan pegawai pemulihan kemudian telah diserah, dibaca dan diterang kepada pemohon dan diakui benar oleh pemohon. Selepas itu terdapat catatan bahawa pemohon telah membuat representasi melalui seorang jurubahasa Cina bernama En Wong di mana pemohon telah membuat suatu representasi berbentuk rayuan apabila beliau memohon diberi peluang kerana sekiranya dihantar ke pusat tahanan masa depannya akan gelap. Pemohon juga menyatakan isterinya tidak dapat urus sendiri dan beliau berjanji tidak akan terlibat lagi. Mengikut catatan dalam nota prosiding tersebut setelah pemohon membuat representasi baharulah majistret membuat perintah bahawa pemohon dihantar ke Pusat Pemulihan Serenti, Perlop, Sungai Siput (U), Perak untuk rawatan dan pemulihan selama dua tahun mengikut peruntukan s 6(1)(a) Akta tersebut. Adalah pandangan saya bahawa pemohon telah membuat suatu representasi dan dengan jelas memahami atau mengetahui akan kemungkinan akibat daripada prosiding yang dijalankan oleh majistret tersebut kebebasannya akan dinafikan. Fakta ini dapat dilihat apabila pemohon sendiri telah membuat rayuan memohon pilihan dibebaskan daripada ditahan. Saya berpendapat yang pentingnya adalah di atas rekod nota prosiding tersebut terdapat bukti bahawa pemohon sebenarnya telah diberi peluang membuat suatu representasi seperti yang telah dipilih olehnya untuk berbuat sedemikian.

Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan di atas, saya menolak permohonan pemohon.

Permohonan pemohon ditolak.

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari